

25/06/2001

Piala Razak: KL benam Selangor

Haryani Ngah

PENGALAMAN dan keberanian menjadi faktor utama buat Kuala Lumpur untuk mencatat kemenangan selesa 6-1 ke atas Selangor di Kejohanan Hoki Piala Razak di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil, semalam.

Dikejutkan dengan tindakan pantas Mohd Fhried Abdullah yang membuat hantaran leret dari kiri gawang untuk jaringan pertama Selangor di minit ke-23, Kuala Lumpur bingkas menyamakan kedudukan menerusi rembatan sudut penalti dilakukan Nor Saiful Zaini minit ke-32.

Tidak mahu diaibkan, Kuala Lumpur menukar corak permainan lebih agresif di babak kedua dan peluang memperolehi pukulan sudut berjaya disempurnakan Mahinder Singh minit ke-39.

Dua jaringan itu nyata membuat pertahanan Selangor hilang arah dan hantaran solo Nishel Kumar minit ke-50 gagal disekat penjaga gol Selangor, Mohd Mahathir Thayin.

Sambil Mohd Madzli Ikmar Mohd Noor menyempurnakan pukulan sudut penalti tiga minit selepas itu, P Puvaneswaran menambah jaringan minit ke-66 dan gol keenam Kuala Lumpur diperolehi seminit sebelum perlawanan tamat menerusi M Kaliswaran.

Pengurus pasukan, Dr SS Cheema berkata, kelebihan pengalaman beraksi di peringkat antarabangsa menyebabkan pemain tidak gentar apabila lawan memperolehi jaringan pembukaan.

"Kami tidak takut dengan mana-mana pasukan di peringkat kumpulan dan apabila kami bangkit, kami yakin tidak ada pasukan dapat menyekatnya," katanya.

Manakala dalam aksi kumpulan B, Pahang memperolehi kemenangan kedua selepas menumpaskan Johor 2-1.

Mendahului menerusi pukulan penalti yang dilakukan Muazam Mahmud minit ke-20, Pahang bagaimanapun tidak dapat menarik nafas lega apabila Johor dapat menyamakan kedudukan seminit kemudian hasil penyudahan pukulan sudut penalti, Zam Zam Mohd Ali.

Bagaimanapun pencarian Pahang berakhir apabila Muazam berjaya memberi mata penuh minit ke-55.

(END)